



**PEJABAT PEMBANGUNAN PERSEKUTUAN NEGERI SELANGOR
(ZON PETALING)**

Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri,
Aras 5, Menara UBSA, Pusat Dagangan UMNO Shah Alam
Persiaran Damai, Seksyen 11 Tel: 03-5521 3700
40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan Fax: 03-5510 1215

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Sebut harga ini dipelawa kepada kontraktor-kontraktor bertaraf Bumiputera yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor dan memiliki Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan sahaja dan masih dibenarkan menyertai sebut harga berikut:

NO. SEBUT HARGA : PPPNS/PETALING/KPKT/MBPJ/2017/02

**TAJUK SEBUT HARGA : MEMBINA SEBUAH GELANGGANG FUTSAL SERTA KERJA-KERJA
BERKAITAN DI KAWASAN LAPANG, GUGUSAN CEMPAKA 6,
SEKSYEN 6, KOTA DAMANSARA, PETALING JAYA, SELANGOR**

GRED : G1
KATEGORI : B CE
PENGKHUSUSAN : B04 CE21
TARIKH IKLAN : 21 MAC 2017 (SELASA)
TARIKH LAWATAN TAPAK : 23 MAC 2017 (KHAMIS) JAM 10.00 PAGI DI TAPAK PROJEK
TARIKH TUTUP : 30 MAC 2017 (KHAMIS)

Lawatan tapak adalah diwajibkan kepada kontraktor (Pemilik Asal) dengan membawa salinan Perakuan Pendaftaran CIDB, Sijil Taraf Bumiputera (STB) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang masih sah tempohnya. Hanya penama di dalam CIDB dan SPKK sahaja boleh menghadiri lawatan tapak dan tidak boleh mewakilkan pegawai lain selain daripada penama yang dibenarkan dalam CIDB dan SPKK. Ketidakhadiran pemilik asal menyebabkan syarikat tuan tidak akan dipertimbangkan untuk membida projek ini.

Semua borang sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah disertakan bersama salinan pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), Sijil Taraf Bumiputera dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri ditandakan **PPPNS/PETALING/KPKT/MBPJ/2017/02** di sudut atas kiri sampul surat tersebut dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Selangor (Zon Petaling) sebelum tarikh dan masa tawaran ditutup. Hanya penyebut harga yang menghadiri lawatan tapak dibenarkan mendapatkan dokumen sebut harga. Dokumen sebut harga boleh diperolehi mulai **23 MAC 2017 (KHAMIS)** pukul **3.00 petang** di Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Selangor, Zon Petaling.

Dokumen sebut harga mestilah sampai dan dimasukkan ke dalam **Peti Sebut harga Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Selangor, Zon Petaling** selewat-lewatnya jam **12.00 tengah hari** pada **30 MAC 2017 (KHAMIS)**.

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan jawatkuasa Sebut harga adalah

Pegawai Kemajuan Zon

Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Selangor

Zon Petaling

21 Mac 2017